

Headline	Subsidi, semakan tarif demi kepentingan rakyat		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	23 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	173,387	Readership	699,000
Section	Dlm Negeri	Page No	7
ArticleSize	461 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 27,585		



# Subsidi, semakan tarif demi kepentingan rakyat

RASIONALISASI subsidi bahan api dan semakan semula tarif elektrik yang dilaksanakan di Semenanjung Malaysia merupakan antara inisiatif diambil oleh kerajaan bagi menjamin pertumbuhan ekonomi yang mapan seiring matlamat menuju Wawasan 2020.

Selain itu, pelarasan subsidi secara berperingkat juga dilakukan sebagai langkah penting untuk mengukuhkan lagi kedudukan kewangan seterusnya memelihara kepentingan rakyat dan negara secara keseluruhannya.

Langkah yang diambil itu dianggap tepat khususnya dalam usaha memastikan pelarasan subsidi

mahupun semakan semula tarif elektrik yang dilaksanakan mampu memberikan manfaat kepada kelompok rakyat yang memerlukan bantuan.

Pengkajian semula dasar pemberian subsidi terpaksa dibuat memandangkan senario ekonomi semasa yang semakin mencabar berikutan berlakunya peningkatan harga bahan api khususnya minyak mentah, gas dan arang batu di pasaran global.

Selain itu, merasionalisasi subsidi bahan api gas secara berperingkat sehingga mencapai harga pasaran mampu memberi nilai maksimum kepada ekonomi seterusnya meng-

alihkan peruntukan subsidi tersebut untuk projek pembangunan sektor tenaga lebih mapan, antaranya seperti pembangunan sumber Tenaga Boleh Baharu (TBB).

Kali terakhir semakan harga gas dibuat adalah pada bulan Jun 2011, maka dengan pelaksanaan penetapan harga gas berasaskan prinsip pasaran yang dikuatkuasakan kini, mampu memastikan agihan sumber tenaga negara menjadi lebih efektif kos selaras matlamat menuju ke arah negara maju berpendapatan tinggi pada tahun 2020.

## Semakan tarif

Semakan semula tarif elektrik

yang akan berkuatkuasa mulai 1 Januari 2014 dengan kadar purata tarif baharunya ialah 38.53 sen/kWj untuk semua kategori tarif elektrik menyaksikan kenaikan sebanyak 14.89 peratus berbanding tarif sebelumnya 33.54 sen/kWj.

Walaupun kadar peningkatan tarif elektrik baharu domestik meningkat sebanyak 10.6 peratus, namun para pelanggan dengan kadar penggunaannya di bawah 300 kWj dikecualikan dan akan terus menikmati kadar sedia ada iaitu 21.80 sen/kWj untuk penggunaan bulanan antara kosong hingga 200 kWj iaitu tiada sebarang perubahan sejak tahun 1997.

Sementara itu, bagi pengguna dengan kadar penggunaan elektriknya antara 201 hingga 300 kWj kadar yang dikenakan adalah sebanyak 33.40 sen/kWj iaitu kadar yang tidak berubah sejak tahun 2009.

Berdasarkan rekod, terdapat kira-kira 3.25 juta pengguna yang mencatatkan kadar penggunaan antara kosong hingga 200 kWj manakala sebanyak 1.31 juta pengguna pula mencatatkan kadar jalur penggunaan antara 201 hingga 300 kWj.

Sehubungan itu, jumlah pelanggan domestik yang tidak terjejas oleh kenaikan tarif adalah sebanyak 4.56 juta atau menyamai 70.67 peratus daripada sejumlah 6.45 juta pelanggan keseluruhan. Pelanggan yang mencatatkan kadar penggunaan bil bulanan RM77 dan ke bawah tidak akan dikenakan sebarang kenaikan tarif.

## Pemberian rebat

Dalam pada itu, pihak kerajaan turut mengumumkan untuk meneruskan pemberian rebat kepada pengguna domestik yang menggunakan tenaga elektrik kurang daripada RM20 sebulan dikecualikan daripada membayar bil untuk bulan tersebut.

Melalui pelaksanaan rebat ini, hampir sejuta pengguna domestik layak menikmatinya dan menjadi

bukti bahawa pihak kerajaan terus membela kelompok rakyat yang berpendapatan rendah untuk menikmati hidup dengan lebih selesa.

Selain daripada itu, beberapa keistimewaan lain turut diberikan oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) selaku pengendali dan peneraju utiliti elektrik tempatan apabila meneruskan pemberian diskaun kepada para pelanggan terpilih seperti institusi pendidikan, institusi kebajikan dan juga rumah ibadat menikmati 10 peratus diskaun.

Antara pihak yang menerima manfaat pelaksanaan keistimewaan ini termasuklah sekolah-sekolah kerajaan, institusi pengajian tinggi awam (IPTA) mahupun institusi pendidikan yang sebahagiannya dibiayai kerajaan.


Selain sekolah dan institusi pendidikan, rumah-rumah ibadat seperti masjid, surau, kuil dan lain-lain turut menikmati kadar istimewa ini termasuklah rumah-rumah kebajikan berdaftar dengan kerajaan.

Keistimewaan diskaun ini turut diberikan kepada hospital yang menyediakan khidmat pembelajaran yang dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan seperti Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM), Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM) dan juga Universiti Sains Malaysia (USM).

### Kadar purata kenaikan tarif bagi kategori pelanggan utama

- **Domestik**  
31.66 sen/kWj berbanding 28.63 sen/kWj  
(Kenaikan 10.6 peratus)
- **Perindustrian**  
36.15 sen/kWj berbanding 30.94 sen/kWj  
(Kenaikan 16.85 peratus)
- **Komersial**  
47.92 sen/kWj berbanding 41.01 sen/kWj  
(Kenaikan 16.85 peratus)

Headline	Subsidi, semakan tarif demi kepentingan rakyat		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	23 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	173,387	Readership	699,000
Section	Dlm Negeri	Page No	7
ArticleSize	461 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 27,585		



**KENAIKAN** harga minyak mentah, gas dan arang batu di pasaran global antara faktor pendorong rasionalisasi subsidi dan semakan semula tarif elektrik dilakukan.



**SEMAKAN** semula tarif yang diumumkan kerajaan selaras dengan peningkatan mutu perkhidmatan yang diberikan oleh TNB demi kesejahteraan rakyat.